



Pengaruh Kewajipan Agama dan Literasi Zakat Terhadap Gelagat Pembayaran Zakat Simpanan Secara Terus Melalui Perbankan Islam

The Influence of Religious Obligation and Zakat Literacy on the Behavioral Intention to Pay Zakat Savings Directly through Islamic Banking

Muhammad Faizal Mazlan¹, Shahida Shahimi*¹

¹ Faculty of Economics & Management, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia

ABSTRAK - Pendeposit beragama Islam yang mempunyai simpanan di perbankan Islam wajib menunaikan zakat simpanan apabila telah cukup syarat tertentu. Bagi menggalakkan pendeposit menunaikan zakat simpanan, institusi perbankan Islam selaku ejen pungutan zakat simpanan bertauliah menyediakan kemudahan pembayaran zakat simpanan secara terus kepada pelanggan. Sehingga kini hanya terdapat dua buah bank Islam yang menawarkan kemudahan seumpama ini di Malaysia sekaligus berkemungkinan menggambarkan tahap kesedaran yang masih rendah. Oleh itu, kajian ini bertujuan mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi niat gelagat individu Islam untuk membayar zakat simpanan secara terus melalui bank. Kerangka kajian adalah berasaskan gabungan Teori Gelagat Terancang dan Teori Gelagat Pengguna Islam serta sekaligus memperkenalkan dua pemboleh ubah baharu, iaitu Kewajipan Agama dan mediator Literasi Zakat. Pengumpulan data menggunakan instrumen soal selidik dalam talian yang melibatkan responden dalam kalangan individu pendeposit beragama Islam di sekitar Selangor, Putrajaya dan Kuala Lumpur. Penganggaran berdasarkan pemodelan persamaan struktur-kuasa dua terkecil separa (PLS-SEM). Dapatan kajian menunjukkan bahawa Sikap, Kewajipan Agama dan Kawalan Gelagat Ditanggap melalui kesan mediator Literasi Zakat adalah mempengaruhi niat gelagat menunaikan zakat simpanan secara langsung melalui bank Islam. Namun bagi Norma Subjektif pula menunjukkan ia tidak mempengaruhi Niat Gelagat Pembayaran Zakat Simpanan melalui Bank. Berdasarkan dapatan kajian ini, dapat disimpulkan bahawa pemboleh ubah baharu yang diperkenalkan iaitu Kewajipan Agama dan mediator Literasi Zakat dapat mempengaruhi kesediaan pendeposit Islam untuk menggunakan kemudahan pembayaran zakat simpanan secara langsung melalui bank. Justeru, adalah disarankan supaya institusi perbankan Islam yang masih belum menawarkan perkhidmatan ini kepada pelanggan masing-masing untuk berbuat demikian.

ARTICLE HISTORY

Received: 7th September 2022

Revised: 17th November 2022

Accepted: 21st November 2022

Published: 30th November 2022

KATA KUNCI

Pendeposit Islam, perbankan Islam, Teori Gelagat Terancang, Teori Gelagat Pengguna Islam, Malaysia

ABSTRACT - Muslim depositor with savings in Islamic banking must pay *zakat* on savings when certain conditions are met. As accredited savings *zakat* collection agents, Islamic banking institutions provide savings *zakat* payment facilities directly to customers to encourage depositors to pay their savings *zakat*. Currently, there are only two Islamic banks with such facilities in Malaysia, which may reflect the level of awareness on this matter. Therefore, this study aims to identify factors influencing the behavioural intentions of Muslim individuals in paying *zakat* on savings directly through the bank. The framework of the study is based on a combination of the Theory of Planned Behaviour and the Theory of Islamic Consumer Behaviour. The framework of this study simultaneously introduces two new variables, namely Religious Obligation and Zakat Literacy mediator. Data collection used an online questionnaire instrument involving respondents among individual Muslim depositors in Selangor, Putrajaya and Kuala Lumpur. Estimation is based on partial least squares structure-equation modelling (PLS-SEM). The findings of the study show that Attitude, Religious Obligation and Perceived Behaviour Control through the mediator with the effect of Zakat Literacy influence behavioral intention to pay *zakat* savings directly through Islamic banks. However, for the Subjective Norm, it shows that it does not affect the Behavioral Intention to Pay *zakat* on savings through the Bank. Based on the findings of this study, it can be concluded that the new variables introduced, which are Religious Obligation and Zakat Literacy mediator, can influence the willingness of Islamic depositors to use the facility of payment of *zakat* savings directly through banks. Therefore, it is recommended that Islamic banking institutions that have yet to offer the service to their customers to start doing so.

Keywords: Islamic depositors, Islamic banking, Extended Theory Planned of Behaviour, Theory of Islamic Consumer Behaviour, Malaysia

PENGENALAN

Islam telah menetapkan kewajiban zakat terhadap setiap individu muslim yang memenuhi syarat untuk mengeluarkan zakat untuk mengelakkan diri daripada terjerumus dalam dosa di samping dapat menambahbaik sosio-ekonomi masyarakat muslim. Malah dalam sistem ekonomi Islam, zakat berperanan sebagai salah satu alat dalam dasar fiskal Islam yang penting (Ahmad et al., 2011). Secara umumnya zakat terbahagi kepada dua iaitu zakat fitrah dan zakat harta. Zakat harta pula terbahagi kepada beberapa jenis dan salah satu daripadanya adalah zakat simpanan. Zakat ke atas wang yang disimpan di bank atau mana-mana institusi kewangan sama ada dalam bentuk akaun simpanan, akaun simpanan tetap, akaun simpanan semasa dan lain-lain adalah wajib dikeluarkan sekiranya memenuhi syarat-syaratnya. Menurut Pusat Pungutan Zakat, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP), nisab bagi zakat wang simpanan adalah bersamaan dengan nilai 85 gram emas dan zakat yang dikenakan pula adalah pada kadar 2.5% ke atas jumlah baki terakhir apabila cukup nisab dan haulnya serta menyamai atau melebihi nisab.

Sharif dan Wahid (2019) mendapati zakat simpanan merupakan penyumbang ketiga terbesar daripada keseluruhan jumlah kutipan zakat selepas zakat pendapatan dan zakat perniagaan oleh PPZ-MAIWP. Namun begitu, wujud jurang yang besar antara jumlah kutipan zakat simpanan dengan jumlah kutipan zakat perniagaan dan pendapatan. Jurang yang besar tersebut dapat dirapatkan jika wujud peranan institusi kewangan Islam seperti perbankan Islam dalam memudah cara pembayaran zakat wang simpanan pendeposit Islam. Sehingga kini, terdapat sebanyak 16 buah bank Islam yang menawarkan pelbagai produk kewangan patuh syariah di Malaysia (Bank Negara Malaysia, 2022). Penubuhan bank Islam bukanlah untuk mencari keuntungan semata-mata tetapi juga turut membantu umat Islam terhindar daripada

perkara yang dilarang syarak seperti *riba'*, *ghabar*, *maysir* dan perkara lain yang tidak selari dengan syarak dan juga turut menyediakan kemudahan untuk pendeposit muslim menunaikan zakat simpanan secara terus. Perbankan merupakan institusi kewangan yang dipandang tinggi dari sudut pengurusan kewangan dan bereputasi dan Ab Hamid dan Wan Jusoh (2016) berpandangan bahawa institusi yang mempunyai reputasi yang tinggi akan menggalakkan masyarakat untuk menunaikan zakat di institusi tersebut. Sehingga kini, terdapat dua bank Islam penuh yang menawarkan kemudahan pembayaran zakat simpanan secara terus kepada pendeposit muslim mereka iaitu Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) dan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) (Wan Ahmad & Md Sapir, 2019b).

Bank Islam pertama yang melaksanakan kemudahan pembayaran zakat simpanan adalah Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) iaitu Ez-Zakat Muamalat yang mula dilancarkan pada 25 Mac 2019. Ez-Zakat Muamalat merupakan suatu kemudahan mengira dan membuat potongan zakat ke atas akaun simpanan dan semasa pendeposit yang beragama Islam. Perkhidmatan ini telah ditawarkan di kesemua 64 cawangan Bank Muamalat di seluruh Malaysia. Kemudahan seumpama ini kemudiannya ditawarkan oleh Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) mulai 2 Mei 2019, yang mana ia adalah untuk memudahkan pelanggan BIMB membayar zakat ke atas akaun simpanan dan pelaburan mereka kepada agensi mengurus zakat (AMZ). AMZ yang terlibat dalam kemudahan yang ditawarkan oleh BIMB adalah PPZ-MAIWP, Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK). Menurut Choudhury dan Harahap (2008), institusi bank Islam dapat memainkan peranan penting dalam pertumbuhan zakat dan pembangunan ekonomi negara, termasuklah institusi bank Islam bertindak sebagai ejen pungutan zakat khususnya zakat simpanan.

Bank-bank Islam dapat memudahkan pendeposit dengan menyediakan kemudahan pembayaran zakat simpanan secara terus daripada akaun simpanan bank. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi niat gelagat individu Islam untuk membayar zakat simpanan secara terus melalui bank Islam. Secara spesifik, objektif kajian ini ialah: menguji kesan *Sikap (ATT)*, *Norma Subjektif (SN)* dan *Kawalan Gelagat Ditanggap (PBC)* terhadap *Niat Gelagat Pembayaran Zakat Simpanan melalui Bank (INT)*; mengenal pasti pengaruh *Kewajipan Agama (RO)* terhadap *Niat Gelagat Pembayaran Zakat Simpanan melalui Bank (INT)*; dan menilai kesan *Literasi Zakat (LTC)* sebagai pemboleh ubah mediator antara *Kawalan Gelagat Ditanggap (PBC)* dengan *Niat Gelagat Pembayaran Zakat Simpanan melalui Bank (INT)*.

ULASAN LITERATUR

Zakat

Zakat dari segi bahasa bermaksud suci dan bersih yang mana ia membawa pengertian membersihkan harta dan diri seseorang yang berkemampuan daripada sifat kedekut dan bakhil (Zakaria, 2019). Manakala dari sudut syarak pula zakat adalah mengeluarkan harta tertentu dengan kadar tertentu mengikut syarat-syarat tertentu untuk diagihkan kepada golongan tertentu (Mohd Balwi & Abd Halim, 2008). Allah SWT berfirman dalam Al-Quran yang bermaksud "*Dan dirikanlah oleh kamu akan sembahyang dan tunaikanlah zakat dan apa juga yang kamu dabulukan dari kebaikan untuk diri kamu, tentulah kamu akan mendapat balasan pahalanya di sisi Allah. Sesungguhnya Allah sentiasa melibat segala yang kamu kerjakan*" (Qur'an, 2: 110). Maka, kegagalan dalam menunaikan zakat akan menyebabkan diri mendapat dosa kerana telah melanggar perintah Allah SWT.

Zakat Simpanan

Menurut kajian oleh Sharif dan Wahid (2019), zakat simpanan yang dikutip oleh PPZ-MAIWP merupakan ketiga tertinggi selepas zakat pendapatan dan zakat perniagaan. Sungguhpun jumlah kutipan zakat simpanan merupakan yang ketiga tertinggi, namun terdapat jurang yang besar antara zakat perniagaan dan pendapatan. Ini bermaksud ramai pendeposit Islam yang tidak

menunaikan kewajipan zakat simpanan kerana kesedaran yang masih rendah (Sharif & Wahid, 2019). Kesedaran para pendeposit Islam dalam menunaikan kewajipan zakat simpanan dapat ditingkatkan sekiranya institusi pungutan zakat dapat mengedarkan lebih banyak risalah, menganjurkan forum atau seminar, mempromosikan zakat simpanan melalui media (Noor Azman & Bidin, 2015). Sekiranya pendeposit sudah mempunyai kesedaran, maka perlunya suatu inisiatif diambil bagi memudahkan mereka untuk menunaikan kewajipan berkenaan.

Saluran Pembayaran Zakat

Yulianti dan Suryandari (2014) menyatakan institusi zakat perlu mencari kaedah baru dan pelbagai dalam meningkatkan kecekapan dan kutipan zakat. Oleh itu, institusi zakat di Malaysia telah mempelbagaikan saluran pembayaran zakat bagi memudahkan umat Islam. Menurut Nor Paizin dan Sarif (2016), pembayaran zakat terbahagi kepada tiga jenis segmen saluran iaitu segmen saluran utama, segmen saluran konvensional dan segmen saluran yang berteraskan kepada sistem elektronik yang disokong media baru. Bagi saluran utama, ia lebih kepada pembayaran zakat melalui potongan gaji, kaunter zakat dan juga wang pos. Manakala bagi saluran konvensional pula adalah menerusi ejen-ejen zakat yang dilantik iaitu seperti perbankan Islam. Terdapat banyak kaedah pembayaran yang ditawarkan ejen-ejen perbankan seperti bayaran di kaunter bank, bayaran melalui cek, bayaran melalui perbankan telefon, bayaran melalui khidmat pesanan ringkas (SMS) dan juga bayaran melalui *Auto Teller Machine* (ATM) (Mohd Faisol, 2016). Bagi segmen saluran berteraskan sistem elektronik pula ia lebih kepada pembayaran zakat melalui portal-portal pusat pungutan zakat yang sah.

Pembayaran Zakat Secara Terus Melalui Bank

Menurut Mohd Faisol (2016), masyarakat mempunyai pelbagai kekangan seperti kekangan masa, kekangan tempat lokasi, kekangan kaunter zakat, kekangan jarak dan lain-lain lagi yang boleh membantutkan mereka menunaikan kewajipan tersebut. Oleh yang demikian, inisiatif yang memudahkan pendeposit Islam menunaikan zakat simpanan perlu dilaksanakan dengan pihak bank-bank Islam menawarkan kemudahan pembayaran zakat simpanan secara terus kepada para pendeposit. Hal ini disokong dengan kajian Wan Ahmad dan Md Sapir (2019b) yang menyatakan penyediaan kemudahan pembayaran zakat simpanan secara terus dapat memudahkan pendeposit menunaikan kewajipan tersebut dan ia secara tidak langsung menggalakkan pendeposit untuk terus konsisten dalam menunaikannya. Wan Ahmad et al. (2014) menyatakan bahawa bank Islam yang menjadi tempat simpanan pendeposit Islam tidak membayarkan zakat bagi pihak pendeposit. Namun, perbankan Islam boleh bertindak sebagai ejen kepada pusat pungutan zakat negeri-negeri terpilih untuk mengutip zakat simpanan daripada pendeposit yang melanggan kemudahan tersebut. Muhammad et al. (2016) menyatakan bahawa penambahbaikan dalam sistem kutipan zakat dari semasa ke semasa dapat memberikan kemudahan kepada umat Islam untuk melaksanakan tanggungjawab ini.


Jurang Kajian

Terdapat beberapa kajian yang mengkaji berkenaan kemudahan pembayaran zakat simpanan secara terus antaranya ialah Sharif dan Wahid (2019), Wan Ahmad dan Md Sapir (2019a) serta Wan Ahmad et al. (2014). Namun, kajian-kajian berkenaan hanyalah tertumpu kepada perbincangan berkaitan konsep akad yang perlu digunakan dalam penyediaan kemudahan tersebut dan perbincangan berkaitan kesedaran dalam beberapa kumpulan masyarakat tentang pembayaran zakat simpanan. Terdapat juga kajian daripada Mohamed Shaarani et al. (2022) yang mengkaji berkaitan langkah meningkatkan kutipan zakat simpanan melalui inoasi pembayaran zakat secara khultah. Kajian-kajian tersebut tidak menyentuh berkenaan kesediaan masyarakat khususnya pendeposit muslim untuk menggunakan atau melanggan kemudahan yang disediakan oleh BIMB dan BMMB. Kajian sebegini amat penting untuk dijadikan panduan kepada pendeposit yang belum melanggan dan juga kepada pihak bank-bank Islam lain yang belum

melaksanakan kemudahan seumpama itu. Selain itu, kajian terdahulu tidak tertumpu kepada aplikasi teori gelagat dalam menganalisis gelagat pembayaran zakat simpanan secara terus melalui perbankan Islam. Justeru, kajian ini akan menggunakan Teori Gelagat Terancang Lanjutan (*Extended Theory Planned of Behaviour*, ETPB) yang merangkumi Teori Gelagat Terancang (*Theory Planned of Behaviour*, TPB) oleh Ajzen (1991) dan Teori Gelagat Pengguna Islam (*Theory of Islamic Consumer Behaviour*, TICB) oleh Amin et al. (2014).

Kerangka Teori

Ajzen (1991) dalam TPB menggariskan tiga (3) pemboleh ubah tidak bersandar utama iaitu *Sikap (ATT)*, *Norma Subjektif (SN)* dan *Kawalan Gelagat Ditanggap (PBC)*. Manakala Amin et al. (2014) dalam TICB pula meletakkan *Kewajipan Agama (RO)* sebagai pemboleh ubah tidak bersandar. Kerangka kajian adalah seperti berikut:



Sumber: Pembentukan rangka kerja berdasarkan kajian lepas (2022)

Rajah 1: Kerangka Kajian Berdasarkan Teori Gelagat Terancang (Ajzen, 1991) dan Teori Gelagat Islam (Amin et al., 2014)

Pembentukan Hipotesis

Terdapat beberapa kajian berkaitan zakat yang menggunakan TPB untuk mengkaji hubungan ketiga-tiga pemboleh ubah tidak bersandar itu dengan pemboleh ubah bersandar iaitu niat gelagat (Bidin & Md Idris, 2009; Yusfiarto et al., 2020; Mohd Khalil et al., 2020). Dapatan daripada kajian-kajian tersebut menunjukkan sememangnya terdapat hubungan positif antara ketiga-tiga pemboleh ubah tidak bersandar tersebut dengan pemboleh ubah bersandar dalam TPB. Kajian ini mengkaji hubungan antara pemboleh ubah tidak bersandar *Sikap (ATT)*, *Norma Subjektif (SN)* dan *Kawalan Gelagat Ditanggap (PBC)* dengan pemboleh ubah bersandar iaitu *Niat Gelagat Pembayaran Zakat Simpanan melalui Bank (INT)*:

H_{1a}: *Sikap (ATT)* terhadap pembayaran zakat simpanan mempengaruhi *Niat Gelagat Pembayaran Zakat Simpanan melalui Bank (INT)*.

H_{1b}: *Norma Subjektif (SN)* terhadap pembayaran zakat simpanan mempengaruhi *Niat Gelagat Pembayaran Zakat Simpanan melalui Bank (INT)*.

H_{1c}: *Kawalan Gelagat Ditanggap (PBC)* terhadap pembayaran zakat simpanan mempengaruhi *Literasi Zakat (LTC)* simpanan

Sebagai seorang Islam, *Kewajipan Agama (RO)* juga mempengaruhi niat gelagat seseorang kerana terdapat perhitungan dosa dan pahala. Menurut Bakar et al. (2018), *Kewajipan Agama (RO)* dapat mempengaruhi niat gelagat seseorang muslim dalam membuat keputusan. Terdapat kajian berkaitan zakat yang memasukkan *Kewajipan Agama (RO)* sebagai pemboleh ubah tidak bersandar iaitu kajian Noor Azman dan Bidin (2015). Namun terdapat kajian yang menyatakan *Kewajipan Agama (RO)* adalah sebahagian daripada teori gelagat pengguna Islam (Amin et al., 2014). Oleh itu, dalam kajian ini *Kewajipan Agama (RO)* yang merupakan sebahagian daripada teori gelagat pengguna Islam dimasukkan sebagai salah satu pemboleh ubah tidak bersandar yang mana ia juga mempunyai hubungan dengan pemboleh ubah bersandar iaitu *Niat Gelagat Pembayaran Zakat Simpanan melalui Bank (INT)*:

H₂: *Kewajipan Agama (RO)* terhadap pembayaran zakat simpanan *Niat Gelagat Pembayaran Zakat Simpanan melalui Bank (INT)*.

Literasi Zakat (LTC) juga dapat mempengaruhi niat gelagat seseorang dan hal ini disokong dalam kajian Yusfiarto et al. (2020) yang menyatakan *Literasi Zakat (LTC)* merupakan mediator yang menghubungkan antara pemboleh ubah tidak bersandar dan pemboleh ubah bersandar. Kajian oleh Lajuni et al. (2018) mendapati bahawa *Literasi Zakat (LTC)* mempunyai kesan yang signifikan sebagai mediator antara *Kawalan Gelagat Ditanggap (PBC)* dengan niat gelagat. Oleh itu, memandangkan *Literasi Zakat (LTC)* adalah berkait rapat dengan *Kawalan Gelagat Ditanggap (PBC)* seseorang, maka kajian ini meletakkan *Literasi Zakat (LTC)* sebagai mediator antara pemboleh ubah tidak bersandar *Kawalan Gelagat Ditanggap (PBC)* dengan pemboleh ubah bersandar *Niat Gelagat Pembayaran Zakat Simpanan melalui Bank (INT)*:

H₃: *Kawalan Gelagat Ditanggap (PBC)* mempengaruhi *Niat Gelagat Pembayaran Zakat Simpanan melalui Bank (INT)* dengan kesan penengah (mediator) *Literasi Zakat (LTC)*.

METODOLOGI

Dalam kajian ini, beberapa faktor yang dijangka mempengaruhi niat gelagat pendeposit untuk melanggan kemudahan pembayaran zakat simpanan secara terus di bank Islam akan ditentukan. Kerangka kajian adalah berdasarkan Teori Gelagat Terancang Lanjutan (*Extended Theory Planned of Behaviour, ETPB*) melalui gabungan Teori Gelagat Terancang (*Theory Planned of Behaviour, TPB*) oleh Ajzen (1991) dan Teori Gelagat Pengguna Islam (*Theory of Islamic Consumer Behaviour, TICB*) oleh Amin et al. (2014). Antara pemboleh ubah tidak bersandar yang dimasukkan ialah *Sikap (ATT)*, *Norma Subjektif (SN)*, *Kawalan Gelagat Ditanggap (PBC)* dan *Kewajipan Agama (RO)*. Bagi pemboleh ubah bersandar pula ialah *Niat Gelagat Pembayaran Zakat Simpanan melalui Bank (INT)* dan manakala pemboleh ubah mediator pula ialah *Literasi Zakat (LTC)* simpanan.

Instrumen Kajian

Pembangunan instrumen soal selidik adalah berdasarkan adaptasi daripada kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan TPB serta khusus berkenaan kemudahan di bank Islam iaitu daripada Abubakar et al. (2017); Hassan et al. (2019); Wan Ahmad dan Md Sapir (2019); Sukri et al. (2016); Yusfiarto et al. (2020); Canggih et al. (2017) dan Dega Laksana (2020). Item-item tersebut diadaptasi daripada kajian lepas bagi memastikan item-item yang digunakan dapat benar-benar mengukur setiap pemboleh ubah yang diwakili oleh item tersebut dan supaya dapat meminumkan kesalahan dalam pembinaan item soal selidik.

Instrumen soal selidik kajian ini mengandungi lima (5) bahagian utama iaitu: Bahagian 1 berkaitan soalan saringan yang mana untuk melihat sama ada responden layak atau tidak untuk menjawab soal selidik berkenaan. Faktor *Sikap (ATT)* dan *Norma Subjektif (SN)* terletak pada Bahagian 2, manakala faktor kawalan gelagat di tanggap dan *Literasi Zakat (LTC)* (LTC) simpanan pula adalah Bahagian 3. Bagi Bahagian 4 pula adalah item yang terdiri daripada faktor

Kewajipan Agama (RO) dan *Niat Gelagat Pembayaran Zakat Simpanan melalui Bank (INT)*. Bahagian 2, 3 dan 4 diukur dengan menggunakan skala *likert* lima mata (1-Sangat Tidak Bersetuju hingga 5-Sangat Bersetuju). Bahagian 5 pula adalah soalan berkaitan dengan demografi responden.

Instrumen yang dibina tersebut telah disemak untuk pengesahan instrumen oleh dua orang pakar yang terdiri daripada pakar zakat dan ahli akademik. Setelah disahkan instrumen tersebut dan penambahbaikan dibuat, praujian atau *pilot test* telah dilaksanakan kepada 30 orang responden. Selepas itu, barulah instrumen kajian ini diedarkan dengan menggunakan borang soal selidik *Google Form* kepada responden sebenar.

Sampel Kajian

Kajian ini menggunakan sampel pelanggan beragama Islam di perbankan Islam di Selangor, Putrajaya dan Kuala Lumpur. Bagi memastikan sampel tinjauan mewakili populasi pelanggan muslim di perbankan Islam, teknik persampelan rawak mudah digunakan dalam mengumpul data daripada pelanggan perbankan Islam. Saiz sampel yang diperlukan ialah sekurang-kurangnya sebanyak 200 orang responden dan ini bermaksud sebanyak 200 borang soal selidik diedarkan kepada individu yang bersesuaian. Borang-borang soal selidik ini akan diedarkan ke rangkaian-rangkaian media sosial menggunakan *Google Form* akibat kekangan pandemik COVID-19.

Kaedah Analisis Data

Setelah selesai pengumpulan data daripada borang soal selidik yang diedarkan, maka proses penyediaan data dilakukan dengan menggunakan perisian IBM SPSS *Statistics* versi 26.0 terlebih dahulu bagi membersihkan data akibat data yang tidak lengkap (*missing value*) dan pencilan (*outliers*). Seterusnya dengan mengambil kira kerangka teori dan objektif kajian, penganggaran berdasarkan pemodelan persamaan struktur-kuasa dua terkecil separa (PLS-SEM) dijalankan bagi faktor-faktor yang mempengaruhi niat gelagat individu Islam untuk membayar zakat simpanan secara terus melalui bank. SEM adalah salah satu teknik yang membolehkan penyelidik membuat penilaian kesahihan sesuatu teori (Hair et al., 2017). Selanjutnya, menurut Hair et al. (2017) lagi, PLS-SEM digunakan untuk membangunkan teori dalam kajian berbentuk penerokaan yang mana adalah selari dengan kajian ini. Perisian SmartPLS versi 3.2.8 yang dapat menganggar model PLS-SEM digunakan untuk menilai kesahan dan kebolehpercayaan konstruk serta menguji hipotesis yang dibangunkan.

KEPUTUSAN ANALISIS STATISTIK PERIHALAN (DESKRIPTIF)

Analisis Demografi

Profil atau latar belakang responden adalah sebagaimana dalam Jadual 1. Keseluruhan responden yang diperolehi dalam soal selidik adalah seramai 202 orang, namun setelah analisis awal dilakukan melalui perisian SPSS didapati bahawa terdapat sebanyak 33 responden yang memberikan maklum balas ekstrem atau dalam erti kata lain sebanyak 33 data merupakan pencilan. Merujuk kepada Yeop Kamarudin et al. (2021) data pencilan perlu dibuang agar tidak mengganggu dapatan analisis, oleh itu 33 data tersebut telah dibuang dan jumlah responden akhir yang diambil kira dalam kajian hanyalah 169 orang.

Berdasarkan Jadual 1, majoriti responden kajian ini terdiri daripada lelaki iaitu seramai 104 orang (61.5%) manakala perempuan hanya 65 orang (38.5%). Dari segi umur, kebanyakan responden berumur 20 hingga 29 tahun iaitu seramai 107 orang (63.3%), diikuti dengan usia 30 hingga 39 tahun seramai 42 orang (24.9%), usia 40 tahun hingga 49 tahun seramai 14 orang (8.3%), diikuti seramai 5 orang (3.0%) berumur 50 tahun dan ke atas serta hanya seorang sahaja (0.6%) responden yang berumur bawah 20 tahun. Kesemua 169 orang (100%) responden adalah beragama Islam yang mana ia selari dengan kajian ini kerana hanya umat Islam sahaja wajib menunaikan zakat simpanan. Selanjutnya majoriti responden adalah masih berstatus bujang iaitu seramai 113 orang (66.9%), manakala selebihnya telah berkahwin iaitu seramai 56 orang (33.1%).

Daripada segi aspek pendidikan pula, majoriti responden merupakan pemegang ijazah sarjana muda dan ke atas iaitu seramai 126 orang (74.6%), diikuti dengan pemegang sijil atau diploma iaitu seramai 28 orang (16.6%). Manakala bagi responden yang mempunyai tahap pendidikan SPM/SPMV dan STPM pula masing-masing adalah seramai 8 orang (4.7%) dan 7 orang (4.1%). Melihat kepada pendapatan bulanan, majoriti responden terdiri daripada golongan B40 iaitu berpendapatan RM4849 dan kebawah yang seramai 143 orang (84.6%) diikuti oleh seramai 21 orang (12.4%) berpendapatan M40 iaitu antara RM 4850 hingga RM10,959 serta seramai 5 orang (3.0%) berpendapatan T20 iaitu RM10,960 dan ke atas.

Seterusnya dari segi aspek sektor pekerjaan pula, majoriti responden terdiri daripada pelajar iaitu seramai 58 orang (34.3%), seramai 44 orang (26.0%) bekerja dalam sektor swasta, seramai 35 orang (20.7%) bekerja sendiri, seramai 26 orang (15.4%) bertugas dalam sektor kerajaan. Manakala bagi responden yang tidak bekerja dan pesara pula masing-masing adalah seramai 4 orang (2.4%) dan 2 orang (1.2%). Majoriti responden menetap di kawasan bandar iaitu seramai 128 orang (75.7%) dan selebihnya seramai 41 orang (24.3%) menetap di kawasan luar bandar.

Jadual 1: Latar Belakang Responden

Profil	Kekerapan	Peratusan (%)
Jantina		
Lelaki	104	61.5
Perempuan	65	38.5
Umur		
Bawah 20 tahun	1	0.6
20 - 29 tahun	107	63.3
30 - 39 tahun	42	24.9
40 - 49 tahun	14	8.3
50 tahun dan ke atas	5	3.0
Agama		
Islam	169	100.0
Status Perkahwinan		
Bujang	113	66.9
Berkahwin	56	33.1
Tahap pendidikan tertinggi		
SPM/SPMV	8	4.7
STPM	7	4.1
Sijil/Diploma	28	16.6
Ijazah sarjana muda dan ke atas	126	74.6
Pendapatan		
RM 4849 dan ke bawah	143	84.6
RM 4850 - RM 10959	21	12.4
RM 10960 dan ke atas	5	3.0
Sektor pekerjaan		
Kerajaan	26	15.4
Swasta	44	26.0
Bekerja sendiri	35	20.7
Pesara	2	1.2
Pelajar	58	34.3
Tidak bekerja	4	2.4
Kawasan tempat tinggal		
Bandar	128	75.7
Luar bandar	41	24.3

Saringan Responden Soal Selidik

Jadual 2 menunjukkan soalan saringan responden yang bertujuan untuk menyaring responden sebelum mereka menjawab soal selidik. Bagi SQ1, didapati bahawa majoriti besar responden iaitu seramai 166 orang (98.2%) memahami konsep zakat manakala hanya tiga (3) orang (1.8%) tidak faham mengenai konsep zakat. Selanjutnya bagi SQ2, majoriti responden merupakan pelanggan

perbankan Islam di Malaysia iaitu seramai 164 orang (97.0%), manakala lima (5) orang (3.0%) responden adalah bukan pelanggan. SQ3 pula mendapati bahawa majoriti responden memahami konsep zakat simpanan iaitu seramai 137 orang (81.1%), manakala seramai 32 orang (18.9%) tidak memahami konsep zakat simpanan.

Seterusnya, bagi SQ4 pula, hanya 52 orang (30.8%) responden pernah menunaikan zakat simpanan, manakala majoriti responden tidak pernah menunaikan zakat simpanan iaitu seramai 117 orang (69.2%). Bagi soalan SQ5 pula, hanya 54 orang (32.0%) mengetahui tentang kemudahan pembayaran zakat simpanan secara terus di perbankan Islam yang setakat ini hanya ditawarkan oleh BIMB dan BMMB, manakala sebahagian besar responden iaitu seramai 115 orang (68.0%) tidak mengetahui tentang kemudahan tersebut. Seterusnya, bagi SQ6 didapati sejumlah 15 orang (8.9%) responden melanggan kemudahan pembayaran zakat simpanan secara terus di perbankan Islam yang ditawarkan. Sebaliknya, majoriti responden iaitu seramai 154 orang (91.1%) tidak melanggan kemudahan tersebut.

Jadual 2: Soalan Saringan Responden

Soalan saringan	Kekerapan	Peratusan (%)
SQ 1. Adakah anda faham mengenai konsep zakat?		
Ya	166	98.2
Tidak	3	1.8
SQ 2. Adakah anda seorang pelanggan di perbankan Islam?		
Ya	164	97.0
Tidak	5	3.0
SQ 3. Adakah anda mengetahui tentang konsep zakat simpanan?		
Ya	137	81.1
Tidak	32	18.9
SQ 4. Adakah anda pernah menunaikan zakat simpanan?		
Ya	52	30.8
Tidak	117	69.2
SQ 5. Adakah anda mengetahui kemudahan pembayaran zakat simpanan secara terus di perbankan Islam?		
Ya	54	32.0
Tidak	115	68.0
SQ 6. Adakah anda melanggan kemudahan pembayaran zakat simpanan secara terus di perbankan Islam?		
Ya	15	8.9
Tidak	154	91.1

Analisis Model

Penilaian Model Pengukuran Reflektif

Model pengukuran reflektif adalah suatu model yang difokuskan kepada pengujian kebolehpercayaan dan kesahan dalam kajian. Jadual 3 menunjukkan penilaian bagi model pengukuran reflektif. Model pengukuran reflektif akan dinilai berdasarkan tiga kriteria penting iaitu kesahan konvergen (*convergent validity*), kesahan konsisten (*consistency validity*) dan kesahan diskriminan (*discriminant validity*). Kesahan konvergen merujuk kepada sejauh mana sesuatu indikator mempunyai hubungan dengan indikator lain yang mengukur konstruk yang sama. Kesahan konvergen akan dianalisis berdasarkan dua kriteria iaitu muatan faktor (*factor loading*) dan purata varian terekstrak atau *average variance extracted* (AVE).

Berdasarkan Jadual 3, nilai muatan luar (*outer loading*) setiap indikator perlu mencapai sekurang-kurangnya 0.708 atau ia perlu digugurkan jika nilai AVE kurang daripada 0.50 dan pengguguran indikator tersebut dapat meningkatkan nilai AVE dan kebolehpercayaan komposit atau composite reliability (CR) (Hair et al., 2017). Terdapat beberapa indikator yang digugurkan kerana mempunyai nilai muatan luar yang kurang daripada 0.708 dan indikator-indikator tersebut digugurkan kerana nilai AVE sebelum penyingkiran adalah kurang daripada 0.50. Antara indikator yang disingkirkan adalah indikator bagi konstruk *Sikap (ATT)* iaitu *ATT1* dan *ATT2* serta indikator dari konstruk *Kawalan Gelagat Ditanggap (PBC)* iaitu *PBC1*, *PBC2* dan *PBC5*. Selain itu satu indikator daripada konstruk *Kewajipan Agama (RO)* juga digugur iaitu *RO1* dan dua indikator daripada konstruk *Literasi Zakat (LTC)* iaitu *LTC3* dan *LTC4* juga digugurkan.

Penyingkiran indikator-indikator tersebut telah meningkat nilai AVE semua konstruk melebihi 0.50 dan tiada keperluan untuk menyingkirkan lagi indikator kerana nilai AVE telah melepasi syarat ditetapkan (Hair et al., 2017). Bagi nilai AVE pula, semua konstruk telah mencapai nilai AVE melebihi 0.50 dan nilai tersebut telah melepasi syarat bagi AVE. Maka dari segi kesahan konvergen, semua konstruk yang dihasilkan telah mencapainya dan boleh digunakan untuk tujuan analisis data dan model.

Berdasarkan Jadual 3 juga, penilaian bagi kebolehpercayaan konsisten dalaman (*internal consistency reliability*) boleh dianalisis untuk mengukur ketekalan dalaman dalam mengukur konstruk dan ia boleh diukur dengan melihat kepada kebolehpercayaan komposit (CR). Secara spesifiknya nilai CR di antara 0.7 hingga 0.9 adalah memuaskan (Hair et al., 2019). Merujuk Jadual tersebut, semua konstruk yang digunakan mencatatkan nilai CR yang memuaskan iaitu antara 0.7 hingga 0.9. Maka dari segi kebolehpercayaan konsisten dalaman, konstruk yang dihasilkan telah melepasi syarat yang ditetapkan dan boleh digunakan untuk tujuan analisis model.

Jadual 3: Penilaian Model Pengukuran Reflektif

Konstruk / Item	<i>Loadings</i>	<i>Cronbach Alpha (a)</i>	Kebolehpercayaan Komposit (<i>CR</i>)	<i>AVE</i>
<i>Sikap (ATT)</i>				
ATT3	0.648			
ATT4	0.731	0.706	0.817	0.529
ATT5	0.758			
ATT6	0.767			
<i>Norma Subjektif (SN)</i>				
SN1	0.724			
SN2	0.724			
SN3	0.758			
SN4	0.753	0.857	0.889	0.535
SN5	0.739			
SN6	0.729			
SN7	0.690			
<i>Kawalan Gelagat Ditanggap (PBC)</i>				
PBC3	0.702			
PBC4	0.787			
PBC6	0.785	0.740	0.837	0.562
PBC7	0.721			
<i>Kewajipan Agama (RO)</i>				
RO2	0.747			
RO3	0.690			
RO4	0.721	0.774	0.847	0.525
RO5	0.712			
RO6	0.751			
<i>Literasi Zakat (LTC)</i>				
LTC1	0.562			
LTC2	0.778	0.550	0.766	0.527
LTC5	0.813			
<i>Niat Gelagat Pembayaran Zakat Simpanan melalui Bank (INT)</i>				
INT1	0.743			
INT2	0.760			
INT3	0.680	0.768	0.844	0.520
INT4	0.696			
INT5	0.722			

Sumber: Analisis data berdasarkan maklum balas soal selidik (2022)

Kriteria *Heterotrait-Monotrait* (HTMT) merupakan pendekatan untuk menguji kesahan diskriminan dan kesahan diskriminan pula merujuk kepada sejauh mana indikator dalam sesuatu konstruk berbeza dengan indikator konstruk lain yang dinilai menerusi korelasi dalam sesebuah model (Hair et al., 2017). Jadual 4 menunjukkan bacaan *Heterotrait-Monotrait* (HTMT) untuk kesahan diskriminan. Pengujian kesahan diskriminan ini akan menggunakan pendekatan HTMT yang mana nilai HTMT kurang daripada 0.90 (Gold et al., 2001) atau nilai HTMT yang kurang daripada 0.85 (Kline, 2016) menunjukkan kesahan diskriminan berjaya dicapai. Kajian ini akan menggunakan nilai HTMT kurang daripada 0.85. Berdasarkan Jadual 4, nilai HTMT antara sesuatu konstruk dengan konstruk lain adalah kurang daripada 0.85 dan ini menunjukkan kesahan diskriminan berjaya dicapai bagi model pengukuran reflektif ini kerana menepati syarat yang ditetapkan.


Jadual 4: Keputusan analisis kesahan diskriminan (*discriminant validity*) menggunakan *Heteroit-Monotrait* (HTMT)

	<i>Kawalan Gelagat Ditanggap (PBC)</i>	<i>Kewajipan Agama (RO)</i>	<i>Literasi Zakat (LTC)</i>	<i>Niat Gelagat Pembayaran Zakat Simpanan melalui Bank (INT)</i>	<i>Norma Subjektif (SN)</i>	<i>Sikap (ATT)</i>
<i>Kawalan Gelagat Ditanggap (PBC)</i>	-					
<i>Kewajipan Agama (RO)</i>	0.491	-				
<i>Literasi Zakat (LTC)</i>	0.832	0.724	-			
<i>Niat Gelagat Pembayaran Zakat Simpanan melalui Bank (INT)</i>	0.659	0.789	0.760	-		
<i>Norma Subjektif (SN)</i>	0.557	0.303	0.489	0.445	-	
<i>Sikap (ATT)</i>	0.502	0.610	0.665	0.744	0.600	-

Sumber: Analisis data berdasarkan maklum balas soal selidik (2022)

Penilaian Model Struktural

Model struktural merupakan penilaian satu bentuk hubungan antara konstruk yang berhubung antara satu sama lain dan seterusnya membentuk model. Penilaian bagi model struktural penting bagi membolehkan sesuatu kajian mengesahkan sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara pemboleh ubah bersandar dan tidak bersandar sama atau sebaliknya. Rajah 2 di bawah menunjukkan model struktural yang telah dianalisis dan nilai laluan koefisien baru bagi setiap konstruk.



Sumber: Analisis data berdasarkan maklum balas soal selidik (2022)

Rajah 2: Model Struktural

Kuasa ramalan model SEM yang dibina adalah melalui nilai R^2 . Berdasarkan Jadual 5, nilai bagi R^2 menunjukkan jumlah varian pemboleh ubah bersandar yang boleh diterangkan oleh varian pemboleh ubah tidak bersandar. Semakin besar nilai R^2 maka semakin besar kemampuan membuat ramalan oleh sesuatu model struktural. Menurut Urbach dan Ahlemann (2010), nilai R^2 yang lebih kurang 0.670 adalah tinggi, manakala jika nilainya lebih kurang 0.333 dikira medium dan jika lebih kurang 0.19 dan ke bawah dikira lemah. Model struktural ini mengandungi dua pemboleh ubah bersandar iaitu *Literasi Zakat (LTC)* dan *Niat Gelagat Pembayaran Zakat Simpanan melalui Bank (INT)*. Keputusan R^2 yang dicapai oleh kedua-dua pemboleh ubah ini adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 5 iaitu nilai R^2 bagi pemboleh ubah *Literasi Zakat (LTC)* adalah 0.287 dan berada dalam kategori medium. Manakala bagi pemboleh ubah *Niat Gelagat Pembayaran Zakat Simpanan melalui Bank (INT)* pula adalah 0.510 dan berada dalam kategori tinggi.

Jadual 5: Keputusan Penentuan Koefisien R^2

	R^2	Catatan
<i>Literasi Zakat (LTC)</i>	0.287	Medium
<i>Niat Gelagat Pembayaran Zakat Simpanan melalui Bank (INT)</i>	0.510	Tinggi

Sumber: Analisis data berdasarkan maklum balas soal selidik (2022)

Kerelevanan konstruk endogenous yang dikaji adalah diukur dengan nilai kesesuaian ramalan (Q^2). Jadual 6 merujuk kepada ringkasan keputusan kesesuaian ramalan (Q^2) yang mana ia merupakan kaedah pengukuran untuk mengetahui tahap kesesuaian peramalan model (Hair et al., 2017). Nilai Q^2 yang lebih besar daripada 0 menunjukkan konstruk eksogenous sesuai untuk membuat ramalan ke atas konstruk endogenous. Menurut Hair et al. (2017), Q^2 yang mempunyai nilai lebih kurang 0.02, 0.15 dan 0.35 menunjukkan bahawa konstruk eksogenous masing-masing mempunyai tahap kesesuaian ramalan kecil, sederhana dan besar. Berdasarkan Jadual 6, hasil analisis mendapati nilai Q^2 yang diperolehi melebihi nilai 0 iaitu pemboleh ubah endogenous

Literasi Zakat (LTC) adalah 0.136, manakala pemboleh ubah endogenous niat gelagat pembayaran zakat melalui bank adalah 0.238 dan kedua-duanya pada tahap ramalan sederhana.

Jadual 6: Ringkasan keputusan kesesuaian ramalan (Q^2)

Pemboleh ubah Eksogenous	Pemboleh ubah Endogenous	Q^2	Tahap Ramalan
<i>a. Kawalan Gelagat Ditanggap (PBC)</i>	<i>Literasi Zakat (LTC)</i>	0.136	Sederhana
<i>a. Kewajipan Agama (RO)</i>	<i>Niat Gelagat Pembayaran Zakat Simpanan melalui Bank (INT)</i>	0.238	Sederhana
<i>b. Literasi Zakat (LTC)</i>			
<i>c. Norma Subjektif (SN)</i>			
<i>d. Sikap (ATT)</i>			

Sumber: Analisis data berdasarkan maklum balas soal selidik (2022)

Kesan sebenar konstruk tidak bersandar ke atas konstruk bersandar dapat diukur berdasarkan nilai kesan saiz (f^2). Jadual 7 menunjukkan analisis kesan saiz (f^2) yang mana ia adalah tahap impak sesuatu konstruk eksogenous terhadap konstruk endogenous (Yeop Kamarudin et al., 2021). Cohen (1988) menyatakan bahawa terdapat tiga kategori saiz impak yang ditunjukkan oleh konstruk bersandar iaitu kira-kira nilai 0.02 adalah kecil, 0.15 adalah sederhana dan 0.35 adalah besar. Manakala jika nilai (f^2) bawah 0.02, maka ia menunjukkan bahawa tiada impak atau kesan yang wujud. Berdasarkan Jadual 7, konstruk eksogenous *Kawalan Gelagat Ditanggap (PBC)* ($f^2 = 0.403$) mempunyai kesan yang besar terhadap konstruk endogenous *Literasi Zakat (LTC)*. Hasil analisis juga menunjukkan konstruk eksogenous *Sikap (ATT)* ($f^2 = 0.086$) dan *Literasi Zakat (LTC)* ($f^2 = 0.052$) mempunyai impak yang kecil sahaja terhadap konstruk endogenous. *Niat Gelagat Pembayaran Zakat Simpanan melalui Bank (INT)*. Manakala bagi konstruk eksogenous *Kewajipan Agama (RO)* ($f^2 = 0.204$) mencatatkan impak yang moderat terhadap konstruk endogenous *Niat Gelagat Pembayaran Zakat Simpanan melalui Bank (INT)*. Namun, konstruk eksogenous *Norma Subjektif (SN)* ($f^2 = 0.008$) tidak memberikan sebarang impak kepada konstruk endogenous *Niat Gelagat Pembayaran Zakat Simpanan melalui Bank (INT)*.

Jadual 7: Analisis Kesan Saiz (f^2)

	f^2	Kesan
Konstruk Endogenous : <i>Literasi Zakat (LTC)</i> (LTC)		
• Konstruk Eksogenous: <i>Kawalan Gelagat Ditanggap (PBC)</i>	0.403	Besar
Konstruk Endogenous : <i>Niat Gelagat Pembayaran Zakat Simpanan melalui Bank (INT)</i>		
• Konstruk eksogenous : <i>Kewajipan Agama (RO)</i>	0.204	Moderat
• Konstruk eksogenous : <i>Literasi Zakat (LTC)</i>	0.052	Kecil
• Konstruk eksogenous : <i>Norma Subjektif (SN)</i>	0.008	Tiada
• Konstruk eksogenous : <i>Sikap (ATT)</i>	0.086	Kecil

Sumber: Analisis data berdasarkan maklum balas soal selidik (2022)

Koefisien laluan (β) menunjukkan kesan langsung sesuatu pemboleh ubah yang diandaikan mempunyai kesan ke atas pemboleh ubah lain. Jadual 8 menunjukkan keputusan koefisien laluan atau *path coefficient* (β) dalam penilaian model struktural ini. Melalui dapatan koefisien laluan, penilaian signifikan dapat dibuat, seterusnya dapat membuat keputusan sama ada untuk menerima atau menolak hipotesis kajian. Berdasarkan Jadual berkenaan, *Kawalan Gelagat Ditanggap (PBC)* mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan *Literasi Zakat (LTC)* ($\beta=0.536$, $t=8.0009$, $p < 0.01$). Hasil kajian juga mendapati pemboleh ubah *Kewajipan Agama (RO)* ($\beta=0.384$, $t=3.942$, $p < 0.01$) dan pemboleh ubah *Sikap (ATT)* ($\beta=0.261$, $t=3.641$, $p < 0.01$) mempunyai hubungan positif yang dengan *Niat Gelagat Pembayaran Zakat Simpanan melalui Bank (INT)*. Manakala, pemboleh ubah *Norma Subjektif (SN)* mencatatkan hubungan yang tidak signifikan dengan *Niat Gelagat Pembayaran Zakat Simpanan melalui Bank (INT)*. Jadual 8 juga turut

menunjukkan kesan tidak langsung yang mana *Kawalan Gelagat Ditanggap (PBC)* telah mencatatkan hubungan positif yang signifikan dengan *Niat Gelagat Pembayaran Zakat Simpanan melalui Bank (INT)* melalui pemboleh ubah mediator iaitu *Literasi Zakat (LTC)* ($\beta=0.102$, $t=2.323$, $p < 0.05$).

Jadual 8: Keputusan Koefisien Laluan (*Path Coefficient*)

	Beta (β)	Ralat Piawai	Statistik T	Nilai P	Keputusan Hipotesis
Kesan langsung					
PBC -> LTC	0.536	0.067	8.009	0.000	Terima
RO -> INT	0.384	0.097	3.942	0.000	Terima
LTC -> INT	0.191	0.074	2.571	0.011	Terima
SN -> INT	0.074	0.075	0.990	0.322	Tolak
ATT -> INT	0.261	0.072	3.641	0.000	Terima
Kesan tidak langsung					
PBC -> LTC -> INT	0.102	0.044	2.323	0.020	Terima

Sumber: Analisis data berdasarkan maklum balas soal selidik (2022)

Jadual 9 menunjukkan hasil keputusan pengujian hipotesis setelah selesai melaksanakan penilaian model struktural yang telah dibangunkan. Hipotesis 1a iaitu *Sikap (ATT)* terhadap pembayaran zakat simpanan mempengaruhi *Niat Gelagat Pembayaran Zakat Simpanan melalui Bank (INT)* telah diterima. Dapatan keputusan ini menyokong kajian lepas seperti Lajuni et al. (2018), Yusfiarto et al. (2020), Bidin dan Md Idris (2009) dan Mohd Khalil et al. (2020) yang menyatakan hal yang sama dalam kajian masing-masing.

Keputusan pengujian bagi hipotesis 1b pula iaitu *Norma Subjektif (SN)* terhadap pembayaran zakat simpanan mempengaruhi *Niat Gelagat Pembayaran Zakat Simpanan melalui Bank (INT)* telah ditolak. Hasil dapatan ini adalah terbaru bagi kajian seumpama ini kerana berbeza daripada kajian-kajian lepas yang menyatakan bahawa *Norma Subjektif (SN)* mempunyai hubungan yang signifikan dengan niat gelagat seperti Mohd Khalil et al. (2020) dan Yusfiarto et al. (2020).

Manakala bagi hipotesis 1c pula iaitu *Kawalan Gelagat Ditanggap (PBC)* terhadap pembayaran zakat simpanan mempengaruhi *Literasi Zakat (LTC)* simpanan adalah diterima. Dapatan keputusan hipotesis 1c ini juga merupakan dapatan terbaru yang berbeza dengan kajian lepas oleh Yusfiarto et al. (2020) yang mana kajian tersebut mendapati *Kawalan Gelagat Ditanggap (PBC)* tidak mempengaruhi *Literasi Zakat (LTC)*.

Berdasarkan Jadual 9 juga, keputusan bagi pengujian hipotesis 2 iaitu *Kewajipan Agama (RO)* terhadap pembayaran zakat simpanan mempengaruhi *Niat Gelagat Pembayaran Zakat Simpanan melalui Bank (INT)* telah diterima. Dapatan ini keputusan ini menyokong kajian-kajian lepas yang menyatakan hal yang sama iaitu kajian daripada Noor Azman dan Bidin (2015), Abdul Lateff dan Palil (2011), Mahamad et al. (2020) dan Mohd Khalil et al. (2020).

Manakala, hipotesis 3 pula iaitu *Kawalan Gelagat Ditanggap (PBC)* mempengaruhi *Niat Gelagat Pembayaran Zakat Simpanan melalui Bank (INT)* dengan kesan penengah (mediator) *Literasi Zakat (LTC)*. Dapatan keputusan hipotesis ini menyokong kajian Lajuni et al. (2018) yang mendapati bahawa *Kawalan Gelagat Ditanggap (PBC)* mempunyai hubungan yang signifikan dengan *Niat Gelagat Pembayaran Zakat Simpanan melalui Bank (INT)* melalui kesan mediator *Literasi Zakat (LTC)*.

Jadual 9: Keputusan Pengujian Hipotesis

	Hipotesis	Keputusan Hipotesis
Hipotesis 1a:	<i>Sikap (ATT)</i> terhadap pembayaran zakat simpanan mempengaruhi <i>Niat Gelagat Pembayaran Zakat Simpanan melalui Bank (INT)</i> .	Diterima
Hipotesis 1b:	<i>Norma Subjektif (SN)</i> terhadap pembayaran zakat simpanan mempengaruhi <i>Niat Gelagat Pembayaran Zakat Simpanan melalui Bank (INT)</i> .	Ditolak
Hipotesis 1c:	<i>Kawalan Gelagat Ditanggap (PBC)</i> terhadap pembayaran zakat simpanan mempengaruhi <i>Literasi Zakat (LTC)</i> simpanan	Diterima
Hipotesis 2:	<i>Kewajipan Agama (RO)</i> terhadap pembayaran zakat simpanan mempengaruhi <i>Niat Gelagat Pembayaran Zakat Simpanan melalui Bank (INT)</i> .	Diterima
Hipotesis 3:	<i>Kawalan Gelagat Ditanggap (PBC)</i> mempengaruhi <i>Niat Gelagat Pembayaran Zakat Simpanan melalui Bank (INT)</i> dengan kesan penengah (mediator) <i>Literasi Zakat (LTC)</i> .	Diterima

Sumber: Analisis data berdasarkan maklum balas soal selidik (2022)

DAPATAN KAJIAN

Analisis Statistik Penakbiran (Inferensi)

Hasil ujian analisis deskriptif mendapati sebanyak empat hipotesis telah pun diterima dalam kajian ini. Oleh itu dengan keputusan yang diperolehi tersebut dapat membantu untuk melakukan analisis statistik penakbiran yang mana maklumat daripada sampel yang dianalisis digunakan untuk membuat rumusan serta ramalan terhadap populasi. Populasi bagi kajian ini adalah pelanggan muslim perbankan Islam di Malaysia dan kajian ini menggunakan sampel pelanggan muslim di perbankan Islam di Selangor, Putrajaya dan Kuala Lumpur.

Memandangkan responden lelaki adalah tinggi berbanding wanita dalam sampel kajian ini, dianggarkan bahawa pelanggan lelaki di perbankan Islam akan lebih tertarik atau mempunyai *Niat Gelagat Pembayaran Zakat Simpanan melalui Bank (INT)* berbanding pelanggan perempuan. Hal ini juga berkemungkinan kerana lelaki lebih ramai yang bekerja berbanding perempuan (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021) dan ini mendorong simpanan lelaki lebih tinggi berbanding perempuan. Oleh itu, pelanggan lelaki di perbankan Islam akan lebih tertarik untuk melanggan kemudahan tersebut.

Dari sudut struktur umur dan status perkahwinan pula, pelanggan perbankan Islam yang berumur 20 tahun hingga 29 tahun serta masih bujang adalah lebih tinggi berbanding struktur umur dan status perkahwinan lain. Hal ini, menunjukkan bahawa pelanggan dalam lingkungan umur tersebut serta masih bujang akan lebih tertarik untuk membayar zakat melalui bank yang mana ini berkemungkinan disebabkan kurang tanggungan atau komitmen lain yang mendorong mereka untuk mempunyai simpanan melepasi nisab dalam bank.

Bagi tahap pendidikan dan pendapatan yang diperolehi dalam sampel kajian pula, ia akan mencerminkan populasi pelanggan perbankan Islam yang sedia melanggan kemudahan tersebut majoritinya adalah berpendidikan ijazah sarjana muda dan ke atas serta kebanyakannya mempunyai pendapatan RM4849 dan ke bawah. Pendidikan yang tinggi dalam kalangan pelanggan perbankan Islam juga mungkin menyebabkan literasi zakat mereka juga tinggi dan mendorong mereka untuk melanggan kemudahan pembayaran zakat melalui bank walaupun pendapatan mereka adalah pada kelas yang rendah. Daripada sampel kajian, dianggarkan bahawa populasi pelanggan perbankan Islam yang mempunyai *Niat Gelagat Pembayaran Zakat Simpanan melalui Bank (INT)* adalah bekerja dalam sektor swasta serta tinggal di kawasan bandar.

KESIMPULAN

Dapatan yang diperolehi dalam kajian ini telah menjawab objektif kajian iaitu *Sikap (ATT)* dan *Kawalan Gelagat Ditanggap (PBC)* yang melalui mediator *Literasi Zakat (LTC)* adalah mempengaruhi *Niat Gelagat Pembayaran Zakat Simpanan melalui Bank (INT)*. Pemboleh ubah baru yang diletakkan dalam model Teori Gelagat Terancang Lanjutan atau *extended theory of planned behaviour* adalah *Kewajipan Agama (RO)* telah terbukti sangat mempengaruhi *Niat Gelagat Pembayaran Zakat*

Simpanan melalui Bank (INT). Ini juga bermaksud bahawa *Kewajipan Agama (RO)* amat penting dalam memastikan seseorang itu menunaikan kewajipan zakat seperti zakat simpanan. Pemboleh ubah baru yang lain iaitu *Literasi Zakat (LTC)* yang diletakkan sebagai mediator dalam model kajian juga telah membuktikan bahawa ia merupakan mediator bagi *Kawalan Gelagat Ditanggap (PBC)* berhubung dengan *Niat Gelagat Pembayaran Zakat Simpanan melalui Bank (INT)*. Kedua-dua dapatan pemboleh ubah baru ini merupakan dapatan yang signifikan kepada kajian ini. Analisis statistik penakbiran pula menunjukkan sampel demografi yang diperolehi bakal mencerminkan populasi yang mempunyai *Niat Gelagat Pembayaran Zakat Simpanan melalui Bank (INT)*.

Kajian ini juga memberikan implikasi kepada pihak perbankan Islam yang sudah menawarkan kemudahan ini iaitu BIMB dan BMMB untuk terus menambahbaik dan mempromosikan kemudahan tersebut bagi memastikan ia dapat menarik pendeposit yang sudah melanggan kemudahan tersebut untuk terus melanggannya dan menarik pendeposit baru melanggannya. Implikasi lain kajian ini ialah pihak perbankan Islam yang masih belum menyediakan kemudahan pembayaran zakat simpanan secara terus perlu menyediakan kemudahan tersebut kerana kemudahan seumpama ini adalah penting untuk menjaga kemaslahatan ummah. Bank-bank tersebut juga perlu menyediakan kemudahan tersebut bagi memastikan pendeposit-pendeposit mereka yang mempunyai *Literasi Zakat (LTC)* dan kepatuhan *Kewajipan Agama (RO)* yang tinggi tidak beralih ke bank-bank Islam yang sudah menawarkannya.

Walaupun terdapat beberapa dapatan signifikan yang baru dalam kajian ini, namun ia turut dibatasi dengan beberapa hal seperti kajian ini hanya dijalankan secara atas talian melalui borang soal selidik *Google form* kerana situasi pandemik COVID-19. Oleh itu, berkemungkinan responden-responden tidak memberikan tumpuan sepenuhnya ketika menjawab soal selidik. Dicadangkan kepada pengkaji akan datang supaya dapat turun ke lapangan untuk mendapatkan sampel yang sebenar dalam melaksanakan kajian seumpama ini. Selain itu, kajian ini juga turut dibatasi dengan saiz sampel yang sedikit kerana terpaksa membuang data-data yang mengandungi pencilan dan berkemungkinan ia tidak dapat mewakili populasi pendeposit Islam dalam perbankan Islam. Maka, dicadangkan kepada pengkaji akan datang supaya dapat menambah saiz sampel agar data yang diperolehi dapat mewakili populasi pendeposit Islam di perbankan Islam. Akhir sekali, kesimpulan yang dapat dibuat ialah sememangnya *Sikap (ATT)*, *Kawalan Gelagat Ditanggap (PBC)* yang melalui mediator *Literasi Zakat (LTC)* dan *Kewajipan Agama (RO)* dapat mempengaruhi *Niat Gelagat Pembayaran Zakat Simpanan melalui Bank (INT)*. Oleh itu, dengan lengkapnya kajian ini diharapkan agar lebih banyak perbankan Islam akan mengikuti jejak langkah BIMB dan BMMB dalam menyediakan kemudahan ini kepada pendeposit mereka.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada kedua-dua pakar pengesah instrumen kajian: Dr. Hairunnizam Wahid dan Dr. Suhaili Alma'amun (Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia) di atas komen dan cadangan yang berharga yang diberikan terhadap instrumen soal selidik yang dibangunkan.

RUJUKAN

Al-Quran.

Ab Hamid, S. N., & Wan Jusoh, W. J. (2016). Corporate image of zakat institutions in Malaysia. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 12(2), (47 - 57).

Abdul Lateff, E. E., & Palil, M. R. (2011). Faktor-faktor yang mempengaruhi pembayaran zakat pendapatan di Malaysia. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia (PERKEM) ke-VI*, Jilid 1: 148-159.

Abubakar, A. F., Md Idris, K., & Saad, R. A. J. (2017). Determinants of attitude towards zakat on employment income in Nigeria. *The International Journal of Banking and Finance*, 13(1), 29-48.

Ahmad, J., Ahmad, S. & Wahid, H. (2011). *Ekonomi Islam: Suatu pendekatan analisis*. Penerbit UKM.

- Amin, H., Abdul Rahman, A. R., & Abdul Razak, D. (2014). Theory of Islamic consumer behaviour: An empirical study of consumer behaviour of Islamic mortgage in Malaysia. *Journal of Islamic Marketing*, 5(2), 273-301. <https://doi.org/10.1108/JIMA-06-2013-0042>
- Ajzen, I. (1991). The theory of planned behavior. *Organizational Behavior and Human Decision Processes*, 50(2), 179–211. [https://doi.org/https://doi.org/10.1016/0749-5978\(91\)90020-T](https://doi.org/https://doi.org/10.1016/0749-5978(91)90020-T)
- Bakar, N. R. A., Shahwahid, F. M., & Eksan, S. H. R. (2018). Theory of planned behaviour and halal compliance. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(5), 805–817. <http://dx.doi.org/10.6007/IJARBS/v8-i5/4220>
- Bank Negara Malaysia. (2022). *List of Islamic banks*. <https://www.bnm.gov.my/islamic-banks>
- Bidin, Z., & Md Idris, K. (2009). Sikap, norma subjektif dan kawalan gelagat ditanggap terhadap niat gelagat kepatuhan zakat pendapatan gaji. *International Journal of Management Studies*, 16(1), 31-55. <https://doi.org/10.32890/ijms.16.1.2009.9956>
- Canggih, C., Indrarini, R., & Prabowo, P. (2017). Zakat literacy among university students and factors influenced it. *Proceedings of the 2nd International Conference on Economic Education and Entrepreneurship*. <https://doi.org/10.5220/0006882101460150>
- Choudhury, M. A., & Harahap, S. S. (2008). Interrelationship between zakat, Islamic bank and the economy: A theoretical exploration. *Managerial Finance*, 34(9), 610-617. <https://doi.org/10.1108/03074350810890967>
- Dega Laksana, K. O. (2020). *Motivation of paying zakat & sadaqah: Evidence from accounting students at Faculty of Business & Economic Universitas Islam Indonesia* [Thesis] Universiti Islam Indonesia.
- Gold, A. H., Malhotra, A., & Segars, A. H. (2001). Knowledge Management: An organizational capabilities perspective. *Journal of Management Information Systems*, 18(1), 185–214. <https://doi.org/10.1080/07421222.2001.11045669>
- Hair, J. F., Hult, G. T. M., Ringle, C. M., & Sarstedt, M. (2017). *A primer on Partial Least Squares Structural Equation Modeling (PLS-SEM)* (2nd ed.). Sage Publications.
- Hair, J. F., Risher, J. J., Sarstedt, M., & Ringle, C. M. (2019). When to use and how to report the results of PLS-SEM. *European Business Review*, 31(1), 2-24. <https://doi.org/10.1108/EBR-11-2018-0203>
- Hassan, S. G., Hameed, W. U., Basheer, M. F., & Ali, J. (2019). Zakat compliance intention among self-employed people: Evidence from Punjab, Pakistan. *Al-Adwab'*, 34(51), 80-95. <https://doi.org/10.17582/journal.pujz/2019.34.2.133.135>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2021). *Statistik utama tenaga buruh di Malaysia, Februari 2021*. <https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/pdfPrev&id=UXlFcW1pSnhhZUFSSSTc0RDhnR3V3dz09>
- Kline, R. B. (2016). *Principles and practice of structural equation modeling*. New York Guilford.
- Lajuni, N., Abdullah, N., Bujang, I. & Yacob, Y. (2018). Examining the predictive power of financial literacy and theory of planned behavior on intention to change financial behavior. *International Journal of Business and Management Invention*, 7(3), 60-66.
- Mahamad, M. A., Abdul Rahman, M. N. & Md Zain, A. (2021). Level of understanding on paying zakat on income among Islamic education teachers in Kedah. *Turkish Journal of Computer and Mathematics Education*, 12(3), 2987-2993. <https://doi.org/10.17762/turcomat.v12i3.1330>
- Mohamed Shaarani, A. Z., Muhammad, F., Abd Hadi, F. S., Mohd Nor, A. & Syukor, A. R. (2022). Pemerkasaan operasi kutipan zakat melalui inovasi pembayaran zakat secara khultah, pembayaran zakat menggunakan barang dagangan dan zakat ke atas instrumen kewangan jangka panjang dan sukuk berasaskan hutang. *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*, 19(1), 140-157. <https://doi.org/10.33102/jmifr.v19i1.420>
- Mohd Balwi, M. A. W. F. & Abd Halim, A. H. (2008). Mobilisasi zakat dalam pewujudan usahawan asnaf: Satu tinjauan. *Jurnal Syariah*, 16 (Keluaran Khas), 567-584.

- Mohd Faisol, I. (2016). Analisis kaedah bayaran zakat harta oleh institusi zakat di Malaysia. *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*, 13(2), 109-124.
- Mohd Khalil, N., Amin, H., & Azman, N.S. (2020). Compliance intention to pay zakat on salary: A case from East Malaysia. *International Journal of Zakat*, 5(2), 37-50. <https://doi.org/10.37706/ijaz.v5i2.204>
- Muhammad, F., Mohd Hussin, M. H., Awang, S. A. & Mohamed, A. M. T. (2016). Islam di Malaysia: Tertunaikah bayaran Zakat pendapatan? *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 12(8), 48 - 60.
- Noor Azman, F. M. & Bidin, Z. (2015). Factors influencing zakat compliance behavior on saving. *International Journal of Business and Social Research*, 5(1), 118-128.
- Nor Paizin, M., & Sarif, S. (2016). Kemudahan pembayaran zakat: Tinjauan di Wilayah Persekutuan dan Selangor. *Labuan e-Journal of Muamalat and Society*, 10, 66-76.
- Sharif, N., & Wahid, H. (2019). Aplikasi konsep wakalah dalam pembayaran zakat simpanan: Kajian di Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB). *Journal of Fatwa Management and Research – Special Edition*, 17(2), 333-349. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol0no0.289>
- Sukri, F. A., Wahab, N. A., & Hamed, A. B. (2016). Compliance to pay zakat on gold: A study on UUM staff. *Global Review of Islamic Economics and Business*, 4(2), 090. <https://doi.org/10.14421/grieb.2016.042-03>
- Urbach, N., & Ahlemann, F. (2010). Structural Equation Modeling in information systems research using partial least squares. *Journal of Information Technology Theory and Application*, 11(2), 5-40.
- Wan Ahmad, W.M., & Md Sapir, A. S. (2019a). Women and zakat on banking deposits. *Proceeding Muslimah International Summit Kelantan (MISK) 2019*.
- Wan Ahmad, W. M., & Md Sapir, A. S. (2019b). Zakat on banking deposits among urbanite Malaysian Muslims. *International Journal of Zakat and Islamic Philanthropy*, 2(1), 97-104.
- Wan Ahmad, W. M., Rosele, M. I., & Abdullah, L. (2014). Zakat and debts: Notes for Islamic banks and their customers. *Proceeding International Conference of Global Islamic Studies*.
- Yeop Kamarudin, N., Mohamed Ashari, Z. H., Yaacob, R., & Mohd Kosnin, A. (2021). *Analisis data kaedah SEM SmartPLS: Aplikasi asas dan langkah demi langkah*. Universiti Teknologi Mara.
- Yulianti, R. T., & Suryandari, R. Y. (2014). Suatu ulasan kritis tentang peranan kepimpinan dalam membangun profesionalisme institusi zakat. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 10(2), 143-153.
- Yusfiarto, R., Setiawan, A., & Nugraha, S. S. (2020). Literacy and intention to pay zakat: A theory planned behavior view evidence from Indonesian muzakki. *International Journal of Zakat*, 5(1), 15-27. <https://doi.org/10.37706/ijaz.v5i1.221>